

24 JAN 2004

DR MAHATHIR HARAP PERTEMUAN UMNO DENGAN PAS BERJAYA

LANGKAWI, 24 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berharap majlis muzakarah antara parti Umno dengan PAS yang sedang dirancang kini akan menemui kejayaan.

Beliau yang ditemui pemberita selepas melakukan lawatan peribadi ke Taman Burung Langkawi di sini hari ini bersama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali semasa dirujuk mengenai pertemuan itu sekadar berkata; "Saya harap ia berjaya,".

Dr Mahathir yang tiba di pulau peranginan ini pagi semalam, telah melawat beberapa tempat tarikan pelancongan seperti Galeria Perdana, Tanjung Rhu dan Telaga Harbour Park di Pantai Kok sebelum dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur esok.

Beberapa hari lepas, Perdana Menteri, yang juga Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata Umno sedia mengadakan pertemuan dengan PAS bagi membincangkan usaha ke arah mengeratkan perpaduan umat Islam di negara ini, terutama berhubung soal akidah.

Semasa mengulas rancangan itu semalam, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dilaporkan berkata parti itu sedia mengadakan pertemuan tersebut pada bila-bila masa dan tidak akan mengenakan sebarang syarat, disamping sanggup mengetepikan kepentingan politik bagi merealisasikan pertemuan tersebut.

-- BERNAMA

MZM AZH